

## **ISU KEBEBASAN DALAM NOVEL KARYA NAJIB AL-KILANI: SATU TINJAUAN LITERATUR**

Zakiyatul Mahmudah & Zulkarnain Mohamed

### **ABSTRAK**

Najib al-Kilani (1931-1995) merupakan sasterawan Muslim Mesir yang telah banyak menghasilkan novel-novel kisah Islam semasa hidupnya. Melalui karya-karyanya, al-Kilani dianggap sebagai salah seorang sasterawan yang sukses dalam menyampaikan mesej kemanusiaan kepada para pembaca. Nilai-nilai kemanusiaan yang diangkat juga bersesuaian dengan pandangan Islam. Hal ini terbukti daripada hasil karya-karyanya yang selalu membincangkan pelbagai persoalan kemanusiaan, salah satunya persoalan kebebasan. Oleh itu, kajian ini meneliti novel-novel karya Najib al-Kilani secara lebih dalam untuk mengenalpasti pelbagai gambaran kebebasan yang telah disampaikan di dalamnya. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan untuk mengenal pasti isu-isu kebebasan yang dibincangkan oleh Najib al-Kilani di dalam karya-karyanya. Data yang diperoleh adalah melalui pendekatan kepustakaan iaitu dengan mengumpulkan literasi kepustakaan ataupun kesusasteraan seperti buku-buku, artikel, jurnal serta sumber-sumber berautoriti lainnya yang berhubungan dengan tema kajian. Semua data yang didapatkan akan dianalisis secara deskriptif. Kajian ini telah menganalisis tiga buah novel karya Najib al-Kilani yang berjudul *al-Nida al-Khalid*, *Layali Turkistan* dan *'Azra'* Jakarta. Adapun hasil kajian daripada ketiga-tiga buah novel tersebut menunjukkan bahawa terdapat bermacam-macam gambaran kebebasan yang disampaikan al-Kilani. *Antaranya, gambaran kebebasan hak sivil dan politik, kebebasan hak sosial dan budaya dan kebebasan untuk mendapatkan hak perdamaian dan pembangunan. Kepelbagaian gambaran kebebasan yang disampaikannya menunjukkan bahawa al-Kilani ialah salah seorang sasterawan yang sukses mengangkat persoalan semasa ke dalam karya-karyanya.*

**Kata Kunci:** *Kebebasan, Najib al-Kilani, Sastera Islam*

### **PENGENALAN**

Najib al-Kilani (1931-1995) dikenali sebagai seorang tokoh sasterawan Muslim Mesir yang juga merupakan salah satu pelopor sastera Islam. Melalui karyanya, beliau selalu memperjuangkan erti kebebasan dan mengambil berat kepada isu-isu kemanusiaan, khususnya yang berhubungan dengan keadaan umat Islam (al-Nadwi 1995). Isu kebebasan yang diangkat tidak hanya berdasarkan

fenomena yang terjadi di rantau Arab sahaja, tetapi juga di luar kawasan Arab seperti Turkistan, Jakarta dan Nigeria. Sebagai seorang Muslim, al-Kilani selalu menyajikan persoalan tersebut berdasarkan tasawwur Islam (al-<sup>c</sup>Ariny 1989).

Dalam bukunya *Lamhat Min Hayati*, al-Kilani menyebutkan bahawa pengalamannya yang paling banyak ia sampaikan ke dalam karyanya adalah persoalan kebebasan, baik kebebasan yang berhubungan dengan kemanusiaan mahupun kebangsaan. Menurutnya, kebebasan merupakan suatu isu yang berkait rapat dengan kehidupannya khususnya ketika ia pernah dipenjara. Di sana, al-Kilani turut menyaksikan dan merasakan sendiri keadaan dimana kebebasan itu begitu berharga dan amat penting bagi kehidupan manusia (al-Kilani 1994).

Selain itu, pemikiran al-Kilani tentang kebebasan juga terinspirasi dari pemikiran Muhammad Iqbal, seorang penyair muslim asal Pakistan. Hal tersebut dibuktikan dengan adanya kajian beliau yang membahas tentang pemikirannya dengan tajuk *Iqbal al-Sha'ir al-Thair* yang diterbitkan pada tahun 1957 (Brigish 1994). Berdasarkan pengalaman-pengalaman itulah al-Kilani menjadi termotivasi dalam membincangkan persoalan kebebasan. Justeru, pelbagai gambaran tentang kebebasan dapat dilihat lebih jelas dalam karya-karyanya.

#### **PERNYATAAN MASALAH**

Najib al-Kilani (1931-1995) adalah seorang sasterawan muslim yang selalu mengambil berat terhadap isu-isu kemanusiaan yang berhubungan dengan umat Islam. Beliau memiliki prinsip bahawa sebagai seorang Muslim yang sejati, dirinya juga merasa bertanggungjawab dalam menyuarakan hak-hak umat Islam yang terkadang dipandang sebelah mata oleh sebahagian pihak. Baginya, hal tersebut juga merupakan sebahagian daripada tugas seorang sasterawan untuk dapat menyuarakan hak-hak umat Islam melalui karyanya (Musawi 2009). Usaha al-Kilani dalam memperjuangkan erti kebebasan terlihat jelas dalam perkataan beliau yang mengatakan: “Aku tidak pernah tahu diriku pernah menulis buku, syair ataupun kisah, selain hal-hal yang mengisyaratkan tentang erti kebebasan di dalamnya.” Beliau juga menyebutkan bahawa ia akan terus memperjuangkan kebebasan kerana semasa hidup beliau pernah merasakan masa-masa ketika kebebasan itu sangat penting bagi kehidupan manusia dan negaranya hanyalah contoh kecil dari gambaran kebebasan tersebut (al-Kilani 1985).

Selain itu dikutip dari Majalah al-Musawir tahun 1989, Najib Mahfouz yang merupakan salah seorang sasterawan Mesir yang pernah meraih nobel sastera berpendapat bahawa Najib al-Kilani sukses dalam membawa sastera Islam ke ranah yang lebih luas, tidak hanya terbatas pada tema pensejarahan sahaja. Tema yang dibahas al-Kilani dalam Sastera Islam banyak diambil daripada isu-isu semasa, fakta kehidupan dan permasalahannya seperti isu kebebasan, kesetaraan gender, keadilan, toleransi, kehidupan di penjara, kezaliman dan lainnya yang terjadi di pelbagai penjuru dunia (Rabitah al-Adab al-Islamy al-<sup>c</sup>Alamiyyah 1995).

Dalam beberapa pembahasan seperti dalam kajian al-<sup>c</sup>Ariny (1989), al-Qa<sup>c</sup>ud (1994), Musawi (2009) dan Mihdadi (2014) serta beberapa artikel lainnya juga menyatakan bahawa konflik penceritaan dalam novel al-Kilani adalah hal-hal yang bertentangan hati nuraninya khususnya sebagai peribadi muslim. Oleh sebab itu, kebanyakan karyanya menggambarkan tentang perjuangan umat Islam dalam melawan kejahatan, kezaliman terhadap orang yang lemah, ketidakadilan penguasa, penjajahan dan pelanggaran hak-hak kemanusiaan. Kisah yang terjadi di dalam novelnya tidak hanya berasal dari negerinya sahaja (Mesir) seperti novel *al-Nida al-Khalid* yang menggambarkan perjuangan rakyat Mesir ketika dijajah Inggeris. Beliau juga mengisahkan permasalahan yang dihadapi umat Islam di luar rantau Arab seperti *'Azra' Jakarta* tentang perjuangan umat Islam di Indonesia dalam melawan komunisme. Selain itu, ada *'Amaliqah al-Shamal* tentang usaha bangsa Barat dan zionis dalam memecah belah umat Islam di Nigeria, dan *Layali Turkistan* tentang perjuangan umat Islam di Kazakhstan dalam melawan penjajahan komunisme dari China dan Rusia.

Kemahiran Najib al-Kilani dalam menterjemahkan persoalan semasa umat Islam ke dalam karya sasteranya tidak diragukan lagi. Beliau pernah diiktiraf sebagai salah satu perintis sastera Islam kontemporari "*Raid al-Adab al-Islami*" oleh *Rabitah al-Adab al-Islamiyyah al-<sup>c</sup>Alamiyyah* (Liga Antarabangsa untuk Kesusasteraan Islam) pada tahun 1994. Gelaran tersebut diberikan sebagai bentuk penghormatan atas usaha dan upaya beliau dalam perkembangan sastera Islam (Abu Salih 1995). Justeru, kajian ini ingin mengulas lebih jauh persoalan kebebasan yang dibincangkan Najib al-Kilani dalam karya-karyanya.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian adalah:

1. Sejauhmana persoalan kebebasan digambarkan dalam novel-novel karya Najib al-Kilani?

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Maka, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti gambaran kebebasan yang disampaikan Najib al-Kilani dalam karyakaryanya.

## **METODE KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan untuk mengenal pasti isu-isu kebebasan yang dibincangkan oleh Najib al-Kilani di dalam karya-karyanya. Data yang diperoleh adalah melalui pendekatan kepustakaan iaitu dengan mengumpulkan literasi kepustakaan ataupun kesusasteraan seperti buku-buku, artikel, jurnal serta sumber-sumber berautoriti lainnya yang berhubungan dengan tema kajian. Semua data yang didapatkan akan dianalisis secara deskriptif.

## **ANALISIS TINJAUAN LITERATUR**

Najib al-Kilani (1931-1995) dikenali sebagai salah seorang sasterawan Mesir yang sangat berpengaruh dalam bidang sastera Islam kontempori. Perbincangan mengenai dirinya dan karya-karyanya ramai dibincangkan oleh para pengkaji yang berminat dengan sastera Arab dan sastera Islam. Karyanya selalu mengandungi pesan dan makna yang mendalam bagi para pembaca khususnya dalam mengangkat isu-isu kemanusiaan yang dihadapi umat Islam.

Dalam *al-Ittijah al-Islamy fi A'mal Najib al-Kilani al-Qasasiyah*, Al-<sup>o</sup>Ariny (1989) mengatakan bahawa dalam karya yang dihasilkan al-Kilani selalu diwarnai oleh trend keislaman kerana di dalamnya terdapat asas-asas daripada nilai keislaman dan juga mengarah kepada nilai ketuhanan. Selain itu, al-Qa<sup>o</sup>ud (1994) juga sependapat dengan al-<sup>o</sup>Ariny tentang adanya realisme Islam. Berdasarkan nilai-nilai keislaman yang dibangunkan dalam novel, al-Kilani mengajak masyarakat agar melawan kejahatan, kezaliman dan mengangkat kembali martabat manusia dengan menyerukan hak-haknya. Hal tersebut selalu beliau jadikan tema dalam karya-karyanya.

Al-<sup>o</sup>Ariny juga menambahkan bahawa sebahagian besar penceritaan al-Kilani dilatarbelakangi oleh realiti dan juga sejarah. Menariknya, sejarah Islam yang menjadi latar belakang penceritaannya tidak hanya sejarah Islam pada awal mula dakwah seperti novel *Nur Allah* dan *Qatil Hamzah*, tetapi juga sejarah Islam moden dan kontemporari dari pelbagai belahan dunia seperti *Mawakib al-Ahrar*, *al-Nida al-Khalid* dengan latar belakang Mesir, *‘Azra Jakarta* di Indonesia, *Layali*

*Turkistan di Turkistan, Ard al-Anbiya di Palestin dan 'Amaliqah al-Shamal di Nigeria (1989).*

Seterusnya, karya-karya Najib al-Kilani tidak pernah lepas dari membincangkan permasalahan umat Islam dari pelbagai sisi kehidupan seperti sisi politik, sosial dan budaya. Hal ini kerana tema dalam sastera Islam lebih luas dibanding dengan jenis sastera yang lain kerana hakikatnya Islam adalah agama yang sempurna yang mengatur seluruh sisi kehidupan manusia. Justeru, tema yang diangkat dalam sastera Islam meliputi seluruh aspek kehidupan namun berasaskan dengan nilai-nilai keislaman sehingga dapat dilihat dengan jelas bahawa tujuan utama daripada karyanya adalah untuk mengagungkan agama Islam dan mengangkat kembali nilai-nilai kemanusiaan (Brigish 1994).

Selain itu, konflik yang terjadi dalam novel al-Kilani sangat bermacam-macam seperti tentang konflik ideologi (pemikiran), konflik sosial politik dan konflik agama. Semua konflik yang diceritakan berisi tentang segala hal yang bertentangan dengan agama Islam dan hati nuraninya. Sebagaimana telah diketahui bahawa al-Kilani adalah seorang sasterawan muslim yang sangat menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan (Musawi 2009).

Selanjutnya, daripada kajian Mihdadi (2014) juga didapati isu utama tentang kemanusiaan yang selalu disuarakan oleh al-Kilani iaitu kebebasan. Dalam novelnya, al-Kilani berusaha menyampaikan persoalan tentang kebebasan yang diinterpretasikan ke dalam pelbagai bentuk. Misalnya, kebebasan dalam makna individual dimana seseorang boleh mendapatkan hak-haknya sebagaimana manusia seperti hak hidup, hak menyatakan pendapat dan hak mendapatkan pendidikan. Adapula gambaran kebebasan dalam bidang sosial seperti kaum perempuan yang kadang dianggap oleh sebahagian pihak sebagai kaum yang lemah dan juga kehidupan orang-orang miskin yang selalu dikuasai oleh orang-orang berkuasa dan berharta. Bukan hanya itu, ada juga gambaran kebebasan dalam wujud yang lebih luas seperti dalam hal bernegara dimana pemerintah mengatur secara ketat hak-hak rakyatnya, namun hal tersebut malah menghasilkan perbuatan sewenang-wenang yang dilakukan para penguasa. Justeru, kajian ini semakin memperjelas kemahiran al-Kilani dalam menterjemahkan pelbagai bentuk persoalan kebebasan ke dalam karya sastera.

### **Isu Kebebasan dalam Novel Islam Karya Najib al-Kilani**

#### ***Al-Nida al-Khalid***

*Al-Nida al-Khalid* merupakan salah satu karya Najib al-Kilani yang mengisahkan tentang perjuangan rakyat Mesir dalam merintis kemerdekaannya. Novel ini dilatarbelakangi oleh situasi sosial politik ketika Mesir dijajah oleh Inggris yang terjadi pada awal abad ke-20, tepatnya di kawasan Sharshabah, Tanta, provinsi Gharbiyah, Mesir. Melalui *al-Nida al-Khalid*, Najib al-Kilani berusaha untuk membangkitkan kembali semangat kebangsaan dan persatuan rakyat Mesir dan Arab dalam melawan penjajahan (al-Kilani 2001).

Menurut Brigish (1994), novel *al-Nida al-Khalid* karya Najib al-Kilani merupakan salah satu novel yang menceritakan tentang keadaan Mesir ketika dijajah oleh Inggris. Pemikiran al-Kilani dalam membicarakan isu nasionalisme tercermin dengan jelas dalam novel ini. Kisah dalam novel ini menunjukkan bahawa rakyat Mesir membenci penjajahan yang dilakukan Barat dan sebahagian daripada mereka juga tidak menyukai cara berfikirnya orang Barat. Di lain sisi juga tidak dapat dinafikan bahawa mereka (Mesir) juga memerlukan pemikiran-pemikiran orang Barat dalam mencapai sebuah revolusi. Misalnya gagasan tentang hak kebebasan, hak kemerdekaan, kesetaraan gender dan penghapusan diskriminasi sosial. Justeru, melalui *al-Nida al-Khalid*, Najib al-Kilani berusaha menyampaikan konsep-konsep tersebut berlandaskan pemikiran Islam tanpa menafikan persoalan kemanusiaan yang turut dibincangkan oleh para pemikir Barat.

Sebagaimana dalam kajian Latifi dan Faruk (2005) menyebutkan bahawa gagasan nasionalisme yang dibangun dalam novel *al-Nida al-Khalid* berasaskan kepada kesamaan cita-cita dan tujuan yang diharapkan oleh rakyat Mesir. Novel ini berusaha menggambarkan makna kemerdekaan yang sebenarnya iaitu kemerdekaan bukanlah sekadar persoalan mengusir penjajah kembali ke negaranya, namun kemerdekaan ialah persoalan tentang bagaimana sebuah negara dapat berjalan dan berdiri setelah dijajah.

Harapan rakyat agar Mesir dapat hidup lebih baik diwakilkan oleh pemikiran sebahagian tokoh-tokoh penceritaan seperti ‘Anbah, Ahmad dan Sabirin. Gagasan yang mereka sampaikan antaranya tentang hak kebebasan hidup, penghapusan penjajahan, perhambaan dan diskriminasi keadaan sosial di masyarakat dan kesetaraan gender antara lelaki dan perempuan dalam mendapatkan perlakuan. Pada awalnya, gagasan nasionalisme ini dihasilkan daripada sebuah pertentangan pemikiran dalam tradisi berfikirnya rakyat Mesir,

kemudian diiringi dengan penolakan atas penjajahan yang sedang berlaku. Di sini, al-Kilani berusaha menunjukkan bahawa revolusi kemerdekaan bukan dibentuk dari sesuatu yang bersifat fizikal sahaja tetapi ianya juga memerlukan pemikiran dan gagasan yang matang di dalamnya.

Selanjutnya, isu feminisme turut dibincangkan dalam novel ini. Isu feminisme ini disampaikan melalui perwatakan Sabirin, anak perempuan dari Khalaf Abdul Mutajalli kepala kampung Sharshabah. Sabirin digambarkan sebagai sosok perempuan yang cerdas, berfikiran kritis, pemberani dan berwawasan luas. Keadaan hidup yang dialami Sabirin merupakan perwakilan daripada gambaran keadaan perempuan-perempuan di Mesir yang telah kehilangan hak-hak kemanusiaannya. Konsep feminisme yang dibawa Sabirin antaranya tentang perempuan memiliki hak kemerdekaan seperti mendapatkan pendidikan, pengetahuan dan berhak mengambil keputusan sendiri, penghapusan budaya patriarki di masyarakat dan revolusi gender harus menyeluruh dan menghasilkan perubahan (Latifi 2010).

Dilihat dari sisi feminisme, kisah *al-Nida al-Khalid* merupakan salah satu upaya dalam mengukuhkan nilai-nilai kemanusiaan perempuan yang universal dan merdeka, bermartabat, serta memiliki fikiran dan perasaan. Selain itu, pada masa yang sama dalam penceritaan novel tersebut, sejarah mencatat pada awal abad ke-20 bertepatan pula dengan kebangkitan perempuan (emansipasi) di Mesir dalam upaya pembentukan semula sistem kebudayaan yang lebih egaliterian, demokratik dan humanis.

Berdasarkan isi dalam *al-Nida al-Khalid*, novel ini merupakan perwujudan daripada ungkapan perasaan, pengalaman dan fikiran al-Kilani atas fenomena yang terjadi di sekitarnya. Novel ini dibuat pada tahun 1969, bertepatan dengan dua tahun setelah Mesir dan Arab mengalami kekalahan perang dari Israel pada tahun 1967. Pasca berakhirnya perang antara Mesir (Arab) dan Israel, al-Kilani melihat kondisi rakyat Mesir ketika itu telah mengalami kemerosotan dan kehilangan kepercayaan diri mereka (Azzuhri 2009).

Dengan kehadiran *al-Nida al-Khalid*, al-Kilani berusaha untuk membangkitkan kembali semangat juang rakyat Mesir agar dapat bersatu dalam merebut kembali tanah mereka yang telah direbut oleh Israel. Meskipun novel ini mengisahkan tentang keadaan Mesir pada masa Perang Dunia I, namun isi yang disampaikan mengenai semangat kebangsaan dan cinta tanah air tetap relevan dengan keadaan Mesir ketika itu. Justeru, dapat disimpulkan bahawa konsep

nasionalisme yang digambarkan Najib al-Kilani dalam *al-Nida al-Khalid* antaranya, konsep persatuan (*unity*), kebebasan (*freedom*) dan kesetaraan (*equality*).

### ***Layali Turkistan***

*Layali Turkistan* adalah sebuah novel yang menceritakan tentang perjuangan masyarakat muslim Turkistan yang melawan penjajahan komunisme dari China dan juga Rusia. Penjajahan yang terjadi di Turkistan membuat kawasan mereka terpecah belah sehingga menyebabkan kawasan timur dikuasai oleh China sedangkan kawasan barat dikuasai oleh Rusia. Novel ini menyebutkan bahawa daerah ini juga dikenali sebagai Andalusia kedua kerana merupakan salah satu negeri Muslim terbesar yang kaya akan sejarah dan peradaban Islamnya (al-Kilani 1981). Sekarang, kawasan Turkistan Timur termasuk dalam teritori Republik Rakyat China dan dikenali sebagai wilayah Xinjiang, adapun sebahagian wilayah lainnya adalah termasuk kawasan Kazakhstan.

Novel ini sedikit banyaknya diilhami daripada sejarah sebenar yang terjadi di Turkistan sekitar tahun 1930-an tentang konflik perjuangan dan perlawanan umat Islam terhadap kekejaman komunis China. Kekejaman yang mereka lakukan antaranya seperti kahwin paksa dan pemerkosaan terhadap wanita-wanita muslim Turkistan, pembunuhan pui90 terhadap raja Komul dan penindasan terhadap rakyat Turkistan. Melihat hal itu, rakyat Turkistan tidak berdiam diri begitu sahaja. Mereka banyak melakukan usaha agar dapat mengusir tentera China seperti melakukan serangan ketika mereka berpura-pura menyetujui keinginan panglima tentera untuk menikahi puteri raja, penyusunan strategi perang untuk melemahkan tentera China dan ada pula pengorbanan tak terduga yang dilakukan Najmatul Lail untuk dapat menekan aksi kekejaman panglima China terhadap umat Islam (Hadarah 1995).

Rasa persatuan dan cinta tanah air juga mewarnai novel ini, hal ini tergambar jelas dalam tokoh Khojah Niyaz Haji yang menjadi pemimpin perlawanan rakyat Turkistan, Mustafa Murad yang tidak pernah mengenal rasa takut dan menyerah demi membela tanah airnya dan juga tokoh Najmatul Lail yang rela mengorbankan dirinya demi Turkistan walaupun rakyat menganggapnya sebagai pengkhianat. Dalam penceritaan *Layali Turkistan* terdapat unsur utama dalam yang menjadi ciri daripada karya Najib al-Kilani ialah tasawur Islam. Tasawur (pandangan) Islam ini terlihat jelas dari jalan cerita yang disampaikan dan juga dari keperibadian tokoh-tokoh dalam novel.



Seterusnya, novel ini tidak hanya menggambarkan konflik ideologi ataupun agama sahaja, tetapi juga menggambarkan konflik jiwa yang dihadapi rakyat Turkistan. Kebimbangan dan keputusasaan sempat menyelimuti hati dan fikiran rakyat Turkistan. Hal ini disebabkan oleh pendudukan yang dilakukan oleh dua negara besar iaitu China dan Rusia. Selain itu, kurangnya persenjataan membuat hati mereka semakin risau. Namun, Khojah Niyaz meyakinkan kembali rakyat Turkistan agar tetap berjuang demi keyakinan mereka. Dia juga mengingatkan, ketika Rasulullah memenangi peperangan walaupun hanya memiliki perajurit dan persenjataan seadanya. Mendengar hal itu, keyakinan dan kepercayaan rakyat kembali tumbuh dan dengan penuh semangat mereka kembali menyatukan kekuatan (Musawi 2009).

Melalui novel ini, Najib al-Kilani banyak menggambarkan nilai-nilai kemanusiaan seperti usaha mempertahankan ideologi, semangat perjuangan dan jihad serta semangat kebangsaan. Tujuannya untuk mengingatkan kembali sebahagian rakyat Turkistan yang telah mengikuti fahaman komunis agar kembali memeluk Islam dan juga memberikan amaran kepada seluruh umat Islam bahawa muslim sejati adalah yang selalu menjaga dan membela kehormatan agamanya (Hasfikin 2013).

Melihat hal tersebut dapat difahami bahawa agama (iman) merupakan dasar kekuatan dan keyakinan dalam menghadapi ketakutan, kebimbangan serta keputusasaan yang sedang terjadi. Justeru, novel ini turut menggambarkan tanggungjawab seorang Muslim sebenarnya iaitu dengan selalu menjaga maruah umatnya, memegang teguh nilai-nilai keislaman yang ditentukan syariat Islam serta tidak pernah ragu untuk terus berjuang demi kehormatan agama dan menjaga umat Islam (Mihdadi 2014).

#### *‘Azra’ Jakarta*

Novel ini mengisahkan tentang konflik sosial politik di Indonesia pada tahun 1965. Konflik yang terjadi dalam *‘Azra’ Jakarta* terjadi antara faham materialisme yang dibawa oleh parti komunis yang secara umum digambarkan melalui tokoh Aidid dengan Islam yang bersifat monoteisme yang digambarkan melalui salah satu keluarga Masyumi iaitu keluarga Fatimah. Fatimah ialah sosok pejuang wanita muslimah yang berjuang membela negara dan agamanya melawan Aidid salah seorang tokoh komunis yang ingin menanamkan ideologi komunis di bumi Indonesia (al-Kilani 1974).

Kajian Dardiri (2006) menyebutkan bahawa novel ini sangat jelas menggambarkan pelanggaran hak asasi manusia yang dilakukan oleh pihak komunis terhadap umat Islam. Pelbagai cara dilakukan komunis demi menanamkan ideologi komunis di Indonesia seperti penculikan terhadap orang-orang yang dianggap membahayakan siasat mereka, penyeksaan dan juga pembunuhan massal yang terjadi di dalam penjara dan pembunuhan beberapa jeneral ketenteraan. Banyak kesamaan peristiwa dalam novel tersebut dengan peristiwa sebenar G30SPKI yang terjadi pada tahun 1965.

Kehadiran novel *'Azra' Jakarta* juga merupakan respon daripada al-Kilani dalam menentang fahaman komunis yang tidak sejalan dengan ajaran Islam. Sebagai seorang sasterawan Muslim, beliau merasa perlu untuk menyuarakan kembali permasalahan yang dihadapi oleh kaum Muslimin. Beliau menganggap dirinya juga merupakan sebahagian daripada umat Islam yang harus berjuang membela agamanya (Dardiri 2008).

Dalam *'Azra' Jakarta*, Najib al-Kilani juga memasukkan isu feminisme dengan memasukkan perwatakan perempuan sebagai salah satu tokoh utamanya. Di sini, Fatimah digambarkan sebagai sosok wanita mujahid yang berani berjuang membela negara dan agamanya. Perjuangannya dalam mempertahankan keyakinannya berakhir syahid ketika dia ikut bergabung dengan gerakan Islam yang langsung turun ke jalan berjuang melawan komunis. Selain Fatimah, terdapat watak lain yang juga merupakan perwakilan dari wajah perjuangan Islam iaitu ayahnya, Haji Idris dan tunangnya, Abul Hasan. Daripada masing-masing tokoh tersebut telah menggambarkan pelbagai usaha dan upaya perjuangan umat Islam dalam melawan komunis. Keberanian yang mereka miliki semata-mata kerana harapan mereka untuk mencapai perubahan yang lebih baik demi tanah air tercinta (Musawi 2009).

Pabiyah (2011) menyatakan, dalam *'Azra' Jakarta* terdapat beberapa ciri-ciri penceritaan yang berkait rapat dengan kehidupan penulis (Najib al-Kilani). Antaranya ialah kehidupan di penjara yang mana beliau pernah dipenjarakan dua kali semasa hidup kerana permasalahan konflik politik yang terjadi di negaranya. Selain itu, penceritaan mengenai profesi doktor juga berhubungan dengan pekerjaannya sebagai doktor, sedangkan tentang peran ulama berkait rapat dengan kehidupan keluarganya serta tuan-tuan guru yang telah mendidiknya. Dalam novel ini, terdapat gambaran kehidupan penjara ketika Haji Idris dan Abul Hasan ditangkap kemudian dikurung dipenjarakan. Novel ini mengisahkan tentang kehidupan penjara yang keras penuh dengan

seksa dan ketidakadilan. Adapun ciri-ciri yang berhubungan dengan profesi doktor dan juga peran ulama hampir tidak terlalu banyak diceritakan dalam novel ini. Justeru, kajian ini telah memperjelas bahawa adanya hubungan antara ciri-ciri yang terdapat dalam novel *'Azra' Jakarta* dengan kehidupan peribadi al-Kilani.

Mihdadi (2014) juga menambahkan bahawa novel ini banyak menceritakan tentang kehidupan penjara yang kebanyakannya dialami oleh orang-orang yang tidak bersalah dan kebebasan adalah harapan yang haram untuk mereka impikan. Sebagaimana diketahui bahawa orang-orang yang ditahan dalam penjara ada dua jenis, pertama orang yang ditahan sebab melakukan kesalahan atau orang yang tertuduh melakukan kesalahan. Kedua, tahanan politik yang ditangkap kerana dianggap dapat mengganggu kepentingan politik. Maka, novel ini banyak mengisahkan tentang ahli parti Masyumi yang ditangkap kerana tidak mendukung pemikiran komunis. Dengan alasan tersebut, mereka dijadikan tahanan politik kerana dianggap dapat membahayakan kepentingan komunis.

Kandungan kisah *'Azra Jakarta'* pula bersesuaian dengan tujuan kebebasan bersuara, yang mana juga merupakan bahagian daripada persoalan kebebasan. Sebagaimana dalam kajian Mohamad Yazid Abdul Majid, Pabiyah Hajimaming @ Toklubok & Mohd Zulkifli Ismail (2016) menyebutkan bahawa novel *'Azra Jakarta'* memiliki konsep "amar ma'ruf nahi munkar" iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah keburukan. Hal ini merujuk pada konsep sastera profetik yang diusung oleh Kuntowijoyo. Dia menyatakan bahawa sastera Islam yang kaffah ialah sastera yang memiliki etika profetik di dalamnya iaitu etika "amar ma'ruf" menyeru kepada kebaikan, "nahi munkar" mencegah keburukan dan terakhir yang paling penting etika keimanan kepada Allah yang bermaksud segala etika tersebut dilakukan dengan niat kerana Allah (Kuntowijoyo 2006). Ibn Qayyim AlJawziyyah (t.th.) juga menekankan, bahawa melalui kebebasan bersuara dapat dimanfaatkan untuk mewujudkan kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Melalui *'Azra' Jakarta*, Najib al-Kilani telah mengambil berat tentang persoalan kebebasan dan perjuangan rakyat Indonesia dalam melawan komunis. Justeru, isu kebebasan yang dibincangkannya dalam novel ini tidak lepas dari sudut pandang Islam sebagaimana sastera Islam merupakan ciri utama daripada karya-karyanya.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan sorotan kajian yang dilakukan, secara umum didapati bahawa novel-novel karya Najib al-Kilani banyak membincangkan isu-isu kemanusiaan yang kebanyakannya dihadapi oleh umat Islam. Justeru, fokus dalam sorotan ini adalah isu kebebasan yang mana merupakan salah satu bahagian dalam persoalan kemanusiaan.

Sebagaimana telah disebutkan dalam kajian-kajian sebelumnya bahawa Najib al-Kilani adalah seorang sasterawan muslim yang sangat menitikberatkan kepada isu kebebasan. Hal ini dapat dilihat daripada salah satu pernyataan beliau iaitu “Aku tidak pernah tahu diriku pernah menulis buku, syair ataupun kisah, selain hal-hal yang mengisytarkan tentang erti kebebasan di dalamnya” (al-Kilani 1985). Selain itu, beberapa pembahasan seperti dalam kajian al-<sup>c</sup>Ariny (1989), al-Qa<sup>c</sup>ud (1994), Brigish (1994), Musawi (2009) dan Mihdadi (2014) turut membuktikan pernyataan al-Kilani tentang isu tersebut. Berdasarkan beberapa kajian yang menyebutkan tentang adanya persoalan kebebasan dalam karya al-Kilani, maka kajian ini secara khusus menyoroti isu-isu kebebasan yang terdapat dalam beberapa novel karya Najib al-Kilani seperti *al-Nida alKhalid*, *Layali Turkistan* dan *‘Azra’ Jakarta*. Sorotan ini dilakukan untuk mengenal pasti bagaimana gambaran kebebasan yang disampaikan Najib al-Kilani ke dalam karya tersebut.

*Al-Nida al-Khalid* dikatakan sebagai salah satu novel yang turut menggambarkan isu kebebasan dalam pelbagai bentuk dan bidang. Isu kebebasan yang paling jelas digambarkan adalah tentang kebebasan dari adanya penjajahan dan perhambaan. Hal ini terlihat daripada perjuangan rakyat Mesir dalam mempertahankan tanah air mereka dari penjajahan yang dilakukan Inggeris. Selain itu, kisah ini menceritakan tentang isu kebebasan dalam bidang sosial iaitu kebebasan dari tindakan diskriminasi keadaan sosial yang terjadi di masyarakat. Sebagaimana novel tersebut menceritakan tentang bagaimana orang-orang yang memiliki pangkat tinggi dan berharta adalah orang yang harus dihormati dan dihargai sehingga menciptakan tindakan sewenang-wenang terhadap orang-orang yang lemah dan miskin.

Bukan hanya itu, ada pula isu lainnya tentang kesetaraan gender ketika kaum perempuan tidak dianggap oleh sebahagian masyarakat sebagai kaum yang memiliki hak kemanusiaan yang sama sebagaimana kaum lelaki. Misalnya, hak dalam menyatakan pendapat, mengambil keputusan serta mendapatkan pendidikan. Dengan ini, al-Kilani cuba untuk menghapus kebudayaan patriarki yang sudah sangat melekat dalam tradisi masyarakat di Mesir melalui karya-karyanya.

Selanjutnya, isu kebebasan yang disampaikan dalam novel *Layali Turkistan* hampir serupa dengan *al-Nida al-Khalid* yaitu tentang persoalan kebebasan dari penjajahan dan perhambaan. Namun terdapat perbezaan dari segi konflik penceritaan yang terjadi antara kedua-dua novel tersebut. Konflik yang terjadi dalam *Layali Turkistan* berhubungan dengan ideologi dan keyakinan umat Islam di Turkistan.

Secara umum, novel ini menggambarkan tentang pelanggaran kebebasan beragama yang dilakukan oleh China. Manakala penjajahan terjadi di Turkistan, hampir seluruh rakyat Turkistan dipaksa untuk menuruti kemahuan komunis China, termasuk hal-hal yang bertentangan dengan agama. Salah satunya ialah memaksa perempuan Turkistan untuk menikah dengan mereka yang berbeza keyakinan. Dalam kisah ini, al-Kilani menggambarkan bahawa keyakinan (iman) dapat memberikan kekuatan dalam memperjuangkan kebebasan. Tidak hanya itu, wujudnya rasa cinta tanah air juga merupakan salah satu kunci pemersatu bangsa dalam melawan penjajahan.

Sedangkan dalam *'Azra' Jakarta*, terdapat isu kebebasan yang berhubungan dengan sosial politik. Novel ini mengisahkan tentang perjuangan rakyat Indonesia yang membela tanah air dan agamanya demi mencapai kebebasan daripada genggaman komunis yang berusaha memecah belah bangsa Indonesia. Novel ini banyak menggambarkan tentang pelanggaran hak asasi manusia yang dilakukan oleh pihak komunis, khususnya terhadap Masyumi (salah satu parti persatuan Islam). Antaranya, pelanggaran hak hidup sebagai manusia, hak kebebasan bersuara dan juga hak bebas dari genggaman para penguasa yang berbuat sewenang-wenang.

Pelanggaran yang terjadi sangat jelas manakala para komunis melakukan penculikan dan penangkapan terhadap orang-orang yang dianggap membahayakan siasat mereka. Bukan hanya itu, sebahagian dari mereka juga dibunuh tanpa alasan yang jelas. Al-Kilani juga membincangkan isu kesetaraan gender dalam novel *'Azra' Jakarta* melalui tokoh Fatimah, seorang wanita muslimah yang ikut berjuang melawan kekejaman komunis. Justeru hal ini menunjukkan bahawa perempuan bebas menentukan pilihannya sebagaimana dengan lelaki. Perbezaan gender bukanlah suatu batasan bagi seseorang dalam memperjuangkan kebebasan bangsanya dan menjaga kehormatan agamanya.

## **KESIMPULAN**

Najib al-Kilani ialah seorang sasterawan Muslim yang telah mengabdikan dirinya dalam menjunjung tinggi hak asasi manusia khususnya dalam persoalan kebebasan. Hal ini terbukti daripada karya-karyanya yang dihasilkan bahawa dirinya tidak pernah lepas daripada membincangkan persoalan tersebut. Menariknya, nilai-nilai kemanusiaan yang diangkat selalu bersesuaian dengan pandangan Islam. Justeru, berdasarkan kajian-kajian yang telah meneliti karya-karya beliau didapati bahawa beliau ialah sasterawan yang berusaha memartabatkan semula nilai-nilai kemanusiaan yang mulai pudar dan menghubungkannya dengan nilai-nilai keislaman.

Adapun hasil analisis daripada ketiga-tiga buah novel karya Najib al-Kilani yang dijadikan bahan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat bermacam-macam gambaran kebebasan yang disampaikan al-Kilani. Antaranya, kebebasan hak sivil dan politik, kebebasan hak sosial dan budaya dan kebebasan untuk mendapatkan hak perdamaian dan pembangunan. Kebebasan hak sivil dan politik ini melingkupi hak atas hidup, mendapatkan keamanan, kedudukan yang sama di mata hukum, kebebasan bersuara, menyatakan pendapat dan kebebasan beragama. Sedangkan kebebasan hak sosial dan budaya seperti hak kesetaraan gender dalam mendapatkan perlakuan sosial, hak atas pekerjaan dan hak atas pendidikan. Terakhir, kebebasan atas hak perdamaian dan pembangunan yang banyak diperjuangkan hampir seluruh negara dan bangsa seperti hak setiap bangsa untuk merdeka, mendapatkan kedudukan yang sama dengan bangsa-bangsa yang lain dan juga hak mendapatkan kedamaian.

Kepelbagaian gambaran kebebasan yang disampaikan al-Kilani melalui karyakaryanya menunjukkan bahawa al-Kilani adalah seorang sasterawan yang selalu memperhatikan persoalan umat Islam yang terjadi. Justeru, Najib al-Kilani adalah salah seorang sasterawan muslim yang berhasil mengangkat persoalan semasa seperti kebebasan ke dalam karya-karyanya.

## **Rujukan**

- Abu Salih, Abd al-Qudus. 1995. Najib al-Kilani kama <sup>o</sup>Araftuhu. *Majallah al-Adab al-Islamy* 3(910):4-5.
- al-<sup>o</sup>Ariny, Abdullah bin Saalih. 1989. *Al-Ittijah al-Insany fi A<sup>o</sup>mal Najib al-Kilani al-Qasasiyyah*. Riyadh: Dar Kunuz Eshbelia.
- Azzuhri, Muhandis. 2009. Wacana Nasionalisme Najib al-Kilani: Telaah atas Novel al-Nida alKhalid. *RELIGIA* 12(2).

- Brighish, Muhammad Hasan. 1994. *Dirasat fi al-Qisah al-Islamiyyah al-Mu'asir; Ma'a 'Ard wa Dirasah li 'Adad min Qasasi al-Duktur Najib al-Kilani*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Dardiri, Taufiq Ahmad. 2006. Menyaksikan Kekerasan Politik dalam Novel 'Azra' Jakarta. *Kajian Linguistik dan Sastra* 35(18): 153-163.
- Dardiri, Taufiq Ahmad. 2008. Konflik Komunis dengan Islam dalam Novel 'Azra' Jakarta Karya Najib el-Kilany: Analisis Struktural Genetik. Tesis PhD. UIN Sunan Kalijaga.
- Hadarah, Muhammad Mustafa. 1995. Al-Layali al-Suud fi Turkistan fi Ru'yati Najib al-Kilani alRiwa'iyah. *Majallah al-Adab al-Islamy* 3(9-10): 8-14.
- Hasfikin, Hasfikin. 2013. Paradigma Fakta Sosial dalam Kisah Layali Turkistan Karya Najib alKailani: Analisis Sosiologi Sastra. Tesis Master Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar.
- al-Jawziyyah, Ibn Qayyim. t.th. *Flam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Kairo: Idarah alTaba'ah al-Muniriyah.
- al-Kilani, Najib. 1974. *'Azra' Jakarta*. Kairo: Dar al-Nafais. al-Kilani, Najib. 1981. *Layali Turkistan*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Kilani, Najib. 1985. *Rihlati Ma'a al-Adab al-Islamy*. Beirut: Muassasah al-Risalah. al-Kilani, Najib. 1994. *Lamhat Min Hayati*. Beirut: Muassasah al-Risalah. al-Kilani, Najib. 2001. *Al-Nida al-Khalid*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Kuntowijoyo. 2006. *Maklumat Sastra Profetik*. Yogyakarta: Grafindo Litera Media.
- Latifi, Yulia Nasrul dan Faruk. 2005. Nasionalisme dalam An-Nida al-Khalid Karya Najib alKaylani. *HUMANIKA* 18(1): 19-33.
- Latifi, Yulia Nasrul. 2010. Feminisme Sabirin dalam Novel An-Nida al-Khalid: Ikon Revivalisme Perempuan Mesir. *Musāwa* 9(2): 175-200.
- Mihdadi, 'Aly. 2014. Al-Ittijah al-Insany fi Riwayat Najib al-Kilani. Tesis PhD. Kasdi Merbah Ourgla University.
- Mohamad Yazid Abdul Majid, Pabiyah Hajimaming @ Toklubok & Mohd Zulkifli Ismail. 2016. 'Azra Jakarta Karya Naguib al-Kilani: Satu Bacaan Berdasarkan Gagasan Sastera Profetik. *Jurnal Melayu* 15(1): 82-98.
- Musawi, Ahmad. 2009. *Fi Adab Najib al-Kilani; Ab'aad al-Sira' wa Imtidaaduhu*. Kairo: Maktabah al-Adab.
- al-Nadwi, Abul Hasan 'Ali al-Husni. 1995. *Majallah al-Adab al-Islamy* 3(9-10).
- Pabiyah Hajimaming. 2011. Al-Simat al-Barizah fi Riwayat Najib al-Kilani. *Prosiding al-Ittijahat al-Hadisah fi al-Dirasat al-Lughawiyah wa al-Adabiyah (Siri 1)*, hlm. 335-353.

al-Qa'ud, Hilmi Muhammad. 1994. *Al-Waqi'iyah al-Islamiyyah fi Riwayat Najib al-Kilani: Dirasah Naqdiyah*. Riyadh: Maktabah al-'Abikan.

Rabitah al-Adab al-Islamy al-'Alamiyyah. 1995. Al-Duktur Najib al-Kilani fi Suttur. *Majallah alAdab al-Islamy* 3(9-10): 6-7.